

Kematian pengasas Ambank tiada kaitan 1MDB, kata Khalid
The Malaysian Insider
July 8, 2015
Oleh Muzliza Mustafa

Pembunuhan pengasas kumpulan Arab Malaysian Banking, Hussain Ahmad Najadi pada 2013 tiada kaitan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

"Kami tahu motif di sebalik pembunuhan. Pembunuh sudah ditangkap dan dijatuhkan hukuman mati. Tiada kaitan dengan 1MDB," kata Khalid.

Dua lelaki ditahan dan didakwa susulan pembunuhan Najadi.

Pada September tahun lalu, pemandu trak tunda, Koong Swee Kwan dijatuhkan hukuman mati kerana pembunuhan Najadi. Dia juga turut dijatuhkan hukuman 10 tahun penjara kerana cuba membunuh isteri Najadi, Cheong Mei Kuen.

Tiga bulan sebelum itu, pemandu teksi, Chew Siang Chee, yang didakwa bersama Kook dijatuhkan hukuman 14 tahun penjara dan 6 kali sebatan kerana memiliki pistol, dan 4 peluru. Pistol itu digunakan menembak Najadi (gambar, kiri) dan isterinya.

Khalid berkata demikian susulan dakwaan sebuah blog meminta polis menyiasat kaitan pembunuhan itu dengan 1MDB, dan berkata tindakan blogger itu tidak bertanggungjawab mengaitkan kedua-dua isu itu.

"Itu tidak benar dan fitnah. Kami akan siasat mereka yang menyebarkan penipuan," kata Khalid, namun tidak menamakan blog berkenaan.

Beliau menasihati orang ramai lebih berhati-hati membincangkan sesuatu isu kerana tindakan boleh diambil jika mereka memberikan komen yang mengandungi maklumat palsu.

Susulan berita 2 akaun milik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di AmBank menerima berbilion ringgit dalam transaksi meragukan, beberapa pihak meminta agar polis menyiasat kembali kes berkenaan.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang berkata, dengan membuka semula kes pembunuhan itu, ia diharap menghentikan khabar angin mengaitkan kedua-dua kes tersebut.

The Wall Street Journal mendakwa hampir AS\$700 juta dipindahkan ke akaun peribadi Najib.

Malah, wawancara eksklusif Sarawak Report bersama anak Hussain juga menguatkan spekulasi kemungkinan kaitan dua isu tersebut, apabila Pascal Najadi berkata beliau percaya terdapat lebih banyak fakta di sebalik kematian bapanya. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kematian-pengasas-ambank-ti-ada-kaitan-1mdb-kata-khalid>